

Sudut Pengarang

Oleh Shariffudin Mohamed



Usah pandang sebelah mata 'Money Boy'

Pendedahan media baru-baru ini berhubung gejala sosial yang memabitkan lelaki generasi Y menawarkan khidmat seks kepada golongan sejenis di ibu kota tidak boleh dianggap masalah terencil dalam masyarakat kita.

Mula-mula Metro Ahad mendedahkan segelintir lelaki muda tempatan berwajah 'jambu' meraih pendapatan mencecah puluhan ribu ringgit sebulan dengan menjadi teman lelaki upahan atau 'Money Boy' sehingga membawa ke hubungan ranjang.

Lelaki bertubuh maskulin mirip 'Abang Sado' dikatakan memabitkan kakitangan swasta dan golongan profesional yang rata-rata berusia lingkungan 20-an, selain penuntut universiti awam serta kolej.

Mereka bukan hanya menawarkan layanan istimewa kepada kaum sejenis, juga wanita merangkumi sesi urutan dan hubungan seks dalam tempoh tertentu, sama ada dilakukan di hotel atau rumah.

Sejurus kemudian pakar sosial dari UPM Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran menyebut dalam kajiannya dari tahun 2010 hingga 2012 mendapati gejala itu semakin menular tanpa disedari.

Kajian itu turut mendedahkan 85 peratus terjerumus dalam 'Money Boy' anak Melayu.

Kebanyakan pelanggan 'Money Boy' golongan lelaki berumur yang kesunyian, terutama sudah bercerai atau pemuda putus cinta.

Kedua-dua laporan media itu mengesahkan khidmat menjijikkan ini kini mudah diperolehi melalui laman sosial selain akhbar dan contengan di tandas awam.

Penulis tidaklah mahu mending jari kepada sesiapa atau badan atau agensi mana yang bertanggungjawab, tetapi berpandangan sikap tidak ambil peduli masyarakat boleh menyebabkan penularan gejala songsang ini.

Apabila masyarakat atau pihak berwajib tidak mengambil berat untuk mengatasinya, semakin ramai anak muda terbabit berikutan hasilnya lumayan biarpun nilai moral mereka sudah terhakis.

Dengan pelbagai pendedahan Internet dan televisyen, anak muda yang kemaruk hidup mewah tidak segan silu untuk memabitkan diri dengan perbuatan yang mudah mendapatkan wang sebagaimana kajian Dr Mohammad Shatar itu yang mengatakan seorang 'Money Boy' boleh memperoleh sehingga RM5,000 sebulan.

Jika ada permintaan ada penawaran. Begitulah teorinya dalam kegiatan terbabit.

Golongan lelaki yang mencari kelainan dalam kepuasan seks akan terus melanggan anak muda 'Money Boy'.

Mereka sanggup menyerahkan wang ratusan ringgit semata-mata untuk memuaskan nafsu songsang.

Mengambil kata-kata Dr Mohammad Shatar dalam satu portal berita atas talian, "Tahap dia ketika ini orang tak kisah, kalau ikut teori pusingan sains sosial, kalau tak buat tindakan atau peringatan, ia akan jadi lebih serius, dan ketika itu dah terlewat untuk dicegah, jadi saya merasakan walaupun benda ini tidak seperti gejala dadah atau kes jenayah tapi kesan kepada masyarakat sangat besar."

Justeru, masyarakat, apatah lagi pihak berwajib diminta tidak memandang sepi pendedahan media berkaitan gejala yang menyimpang nilai agama, kehidupan dan moral ini.

Biarlah masyarakat Barat dengan hak asasi mereka. Kita orang Timur, ada agama, adat dan maruah.

**Penulis Pengarang Eksekutif
(Berita dan Hal Ehwal Semasa)
Harian Metro**

Money Boy tawar khidmat kepada pelanggan lelaki dan wanita

JANTAN UPAHAN

Berbekalkan wajah jambu selain bertubuh maskulin

